

08/12/1998

Industri automotif dijangka meningkat tahun depan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan menjangka industri automotif akan mencatat pertumbuhan positif tahun depan, kesan daripada pemulihan ekonomi negara, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Unjuran itu dibuat berdasarkan peningkatan pengeluaran, jualan dan eksport serta pengurangan import kenderaan motor dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, berbanding tempoh sama pada 1996 dan 1997.

Menurutnya, prestasi menggalakkan sektor itu adalah satu petunjuk baik kepada keadaan ekonomi negara secara keseluruhan.

"Apabila sektor ini membangun dengan pesat, ia adalah satu petanda ekonomi negara semakin baik.

"Jika keadaan berlaku sebaliknya iaitu ekonomi tidak sihat, maka sektor pertama yang akan mengalami pertumbuhan negatif adalah automotif," katanya merasmikan pelancaran van Inokom Permas di sini hari ini, mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah berkata, pengeluaran kenderaan motor, termasuk kenderaan komersil bagi Ogos dan September lalu meningkat kira-kira 50 peratus berbanding pengeluaran pada beberapa bulan pertama tahun ini, iaitu masing-masing 15,188 dan 14,977 unit.

Malah, katanya, penjualan kenderaan motor pada Oktober lalu juga meningkat 14 peratus iaitu kepada 16,638 unit berbanding 14,308 unit pada September lalu.

"Peningkatan ini menunjukkan industri ini semakin meningkat dan beransur pulih," katanya.

Beliau berkata, eksport kenderaan motor negara juga meningkat bagi sembilan bulan pertama tahun ini dengan sejumlah RM1.21 bilion berbanding RM1.05 bilion sepanjang 1997 dan RM948.5 juta pada 1996.

Daripada jumlah itu, katanya, RM592.2 juta membabitkan eksport kereta dan kenderaan penumpang lain; kenderaan motor bagi pengangkutan barangan dan kenderaan kegunaan khas (RM154.7 juta); bahagian kenderaan dan aksesori (RM220.8 juta) serta treler, semi-treler, kontena dan kenderaan yang direka khusus (RM222.7 juta).

Rafidah menambah, jumlah import kenderaan motor yang menurun juga menunjukkan sektor ini mencatat pertumbuhan positif.

Bagi sembilan bulan pertama tahun ini, katanya, jumlah import kenderaan motor merosot kepada RM1.849 bilion berbanding RM7.739 bilion sepanjang 1997 dan RM7.304 pada 1996.

Selain itu, katanya, sektor automotif kini beransur-ansur menjadi industri pekilangan dan bukan industri pemasangan semata-mata ekoran pelbagai proses berintegarsi yang dijalankan dalam negara seperti peningkatan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam reka bentuk dan ciri-ciri produk.

Pengeluaran komponen kritikal dalam negara, katanya, turut menyumbang kepada perkembangan positif itu.

Sementara itu, beliau berkata, kemasukan teknologi asing perlu dianggap sebagai pencetus atau penggerak kepada usaha tempatan untuk mempelopori bidang serupa dan bukan satu sindrom penggantungan teknologi.

"Pada peringkat permulaan, mungkin kita memerlukan kepada teknologi asing iaitu ketika sumber tempatan belum wujud.

"Tetapi, dalam jangka panjang, pihak terbabit perlu bergerak untuk membangunkan teknologi dalaman yang boleh menjadi landasan kukuh untuk

kemajuan dan pembangunan teknologi baru secara keseluruhan di negara ini,"  
katanya.

(END)